

Wanita Umno Yakin BN Mampu Tawan Dun Sungai Limau
Bernama
2 Oct, 2013

SUNGAI PETANI, 2 Okt (Bernama) -- Wanita Umno yakin Barisan Nasional (BN) mampu menawan kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Limau dekat sini dalam pilihan raya kecil kawasan itu nanti, berdasarkan pembaharuan dibawa Menteri Besar yang baharu Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir.

Ketua Penerangannya Datuk Hamidah Osman berkata Mukhriz juga telah mengusahakan pelbagai program untuk menjadikan Kedah lebih maju.

Wanita Umno sudah bersiap sedia menghadapi pilihan raya kecil itu, katanya kepada pemberita selepas melawat mangsa keracunan makanan pada satu majlis perkahwinan di Tanjung Dawai, di Hospital Sultan Abdul Halim (HSAH) di sini, Rabu.

Kerusi DUN Sungai Limau kosong berikutan kematian penyandanginya Tan Sri Azizan Abdul Razak, yang merupakan bekas Menteri Besar Kedah, Khamis lalu.

SPR dijangka bermesyuarat esok untuk menetapkan tarikh penamaan calon dan pengundian bagi pilihan raya kecil itu.

Azizan memegang kerusi itu selama lima penggal sejak 1995. Beliau mengekalkan kerusi itu pada pilihan raya umum ke-13 Mei lepas dengan mengalahkan sepupunya Mohd Fazillah Mohd Ali dari BN dengan majoriti 2,774 undi.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=982568>